# Jangan lupa berdoa selepas membaca *tasyahhud akhir* dalam sembahyang

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, shalawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**BERDOA** selepas membaca *tasyahhud akhir* dalam sembahyang adalah dituntut sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu,* bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *"Apabila kamu selesai membaca tasyahhud akhir, maka mohonlah perlindungan dengan Allah daripada empat perkara, iaitu; seksaan Neraka Jahanam, seksaan kubur, fitnah kehidupan dan kematian serta kejahatan al-Masih ad-Dajjal."*

(Hadits Riwayat Muslim)

Hadits di atas menyatakan bahawa tuntutan berdoa itu adalah selepas selesai membaca *tasyahhud akhir* dan bukan selepas membaca *tasyahhud awwal.* Ini kerana bacaan yang dituntut ketika *tasyahhud awwal* itu adalah bacaan yang ringan sahaja.

Doa-doa yang boleh dibaca selepas membaca *tasyahhud akhir* ialah apa sahaja doa yang harus dibaca di luar sembahyang sama ada yang berkaitan dengan perkara duniawi ataupun ukhrawi, doa *ma'tsur* (doa yang berasal daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*) ataupun yang bukan *ma'tsur* (doa yang bukan berasal daripada Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu seperti doa yang dikarang atau dicipta sendiri atau orang lain). Namun doa-doa yang *ma'tsur* adalah afdhal.

### Hukum meninggalkan doa selepas *tasyahhud akhir*

Hukum berdoa selepas membaca *tasyahhud akhir* adalah sunat. Malah ia sunat juga dibaca oleh imam walaupun bagi imam yang tidak mendapat keredhaan makmumnya (untuk menambah atau memanjangkan bacaan sembahyangnya). Adapun meninggalkan sebarang doa selepas membaca *tasyahhud akhir* hukumnya adalah makruh.

### Kadar panjang bacaan doa selepas *tasyahhud akhir*

Kadar panjang bacaan doa selepas *tasyahhud akhir* berbeza antara *munfarid*, imam dan makmum. Penjelasannya adalah seperti berikut:

i. *Munfarid* (sembahyang seorang diri)

Bagi *munfarid*, dia boleh memanjangkan bacaan doa selepas *tasyahhud akhir* mengikut kadar yang dikehendakinya selagimana tidak menjadikan dia terlalai atau terleka.

ii. Imam

Bagi imam, sunat dan afdhal bacaan doa selepas *tasyahhud akhir* itu supaya tidak melebihi kadar panjang bacaan *tasyahhud akhir* dan *shalawat* yang dibaca oleh imam berkenaan.

Sekiranya imam memanjangkan bacaan sembahyangnya melebihi kadar panjang bacaan *tasyahhud akhir* dan *shalawat* yang dibacanya, maka tidaklah menjejaskan atau membatalkan sembahyangnya. Bagaimanapun perbuatan ini dikira sebagai *khilaf as-sunnah* jika dilakukan oleh imam yang mendapat keredhaan makmumnya dan makruh jika dilakukan oleh imam yang tidak mendapat keredhaan makmumnya.

iii. Makmum

Bagi makmum pula, maka bacaannya adalah mengikut apa yang dilakukan oleh imamnya.

Adapun kadar panjang bacaan doa yang tidak melebihi kadar bacaan *tasyahhud akhir* dan *shalawat* itu ialah mengikut kadar panjang bacaan tasyahhud akhir dan shalawat yang dibaca oleh imam itu. Sebagai contoh, jika imam itu membaca *tasyahhud akhir* dan *shalawat* dengan bacaan yang sekurang-kurangnya (أقل) maka dia sunat membaca doa tersebut tidak melebihi kadar bacaan *tasyahhud akhir* dan *shalawat* yang sekurang-kurangnya itu. Manakala jika imam itu membaca tasyahhud akhir dan shalawat dengan bacaan yang sempurna (أكمل), maka dia sunat membaca doa tersebut tidak melebihi kadar bacaan *tasyahhud akhir* dan *shalawat* yang sempurna itu.

Kadar bacaan *tasyahhud akhir* dan *shalawat* yang sekurang-kurangnya itu ialah:

التَّحِيَّاتُ لِلَّهِ، سَلَامٌ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ، وَسَلَامٌ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَآلِهِ.

Manakala kadar bacaan *tasyahhud akhir* dan *shalawat* yang sempurna itu pula ialah:

التَّحِيَّاتُ الْمُبَارَكَاتُ الصَّلَوَاتُ الطَّيِّبَاتُ لِلَّهِ، السَّلَامُ عَلَيْكَ أَيُّهَا النَّبِيُّ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ، السَّلَامُ عَلَيْنَا وَعَلَى عِبَادِ اللهِ الصَّالِحِينَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

### Doa-doa selepas *tasyahhud akhir*

Terdapat banyak doa yang sunat dibaca selepas membaca *tasyahhud akhir*. Antara doa-doa tersebut ialah seperti berikut:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَسْرَفْتُ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، أَنْتَ الْمُقَدِّمُ وَأَنْتَ الْمُؤَخِّرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ.

**Ertinya:** *"Ya Allah Ya Tuhanku, mohon ampunkan dosaku yang terdahulu dan terkemudian dan dosaku yang tersembunyi dan terang-terangan dan dosaku yang melampau dan (dosaku) yang Allah lebih mengetahui akannya, Allah yang mendahulukan sesuatu dan Allah yang melewatkan sesuatu, tiada Tuhan yang disembah dengan sebenar-benarnya melainkan Allah jua."*

Begitu juga dengan doa di bawah ini;

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَّالِ.

**Ertinya:** *"Ya Allah Ya Tuhanku, Aku mohon berlindung dengan Tuhan daripada azab kubur dan daripada azab api neraka dan daripada fitnah kehidupan dan kematian dan daripada fitnah al-Masih ad-Dajjal."*




Dan juga doa di bawah ini;

اللَّهُمَّ إِنِّي ظَلَمْتُ نَفْسِي ظُلْمًا كَثِيرًا، وَلَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ، فَاغْفِرْ لِي مَغْفِرَةً مِنْ عِنْدِكَ وَارْحَمْنِي، إِنَّكَ أَنْتَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

**Ertinya:** *"Ya Allah Ya Tuhanku, sesungguhnya aku telah menganiayakan diriku dengan aniaya yang amat banyak dan amat besar dan tiada yang dapat mengampuni dosa selain Engkau, maka aku mohon ampun akan dosaku dengan keampunan yang benar-benar daripada Engkau, dan mohon kurniakan rahmat dan kasihan ke atasku, kerana sesungguhnya Engkaulah yang Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

Begitulah huraian mengenai berdoa selepas *tasyahhud akhir* dalam sembahyang. Membaca doa-doa tersebut selain mendapat pahala kerana hukum membacanya adalah sunat, kita juga akan mendapat perlindungan dan keampunan Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*. Ini kerana doa-doa tersebut mengandungi permohonan perlindungan dan keampunan Allah *Ta'ala*. Maka rebutlah peluang dan janganlah lepaskan kesempatan berdoa selepas membaca *tasyahhud akhir* dalam sembahyang.

# Warga UNISSA jiwai perasaan kesedaran bernegara

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 16 Februari. - Acara pengibaran bendera merupakan satu simbolik dalam menzahirkan kesedaran cintakan tanah air dan menanamkan semangat patriotik kepada raja, negara, bangsa dan agama.

Seperti lazimnya, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar turut sama menyemarakkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-37, Tahun 2021 dengan mengadakan upacara menaikkan Bendera Negara, yang berlangsung di Kawasan Letak Kereta Zon 'A', UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, disusuli dengan Penyerahan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal kepada pasukan beruniform UNISSA, diketuai oleh Kadet Bomba, Muhd. Waseem bin Muhd. Rizal.

Seterusnya upacara menaikkan bendera diiringi dengan Lagu Kebangsaan oleh warga UNISSA dan diakhiri dengan bacaan Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam', dikepalai oleh Lkpl. Kadet Tentera Muhd. Hafiz Syami bin Shafiee.

**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menyerahkan Bendera Negara kepada pasukan beruniform UNISSA, diketuai oleh Kadet Bomba, Muhd. Waseem bin Muhd. Rizal (kiri). Sementara gambar kanan, suasana upacara menaikkan Bendera Negara yang berlangsung di UNISSA.**

Antara tujuan upacara ini diadakan adalah untuk menanamkan semangat patriotik kepada Warga UNISSA agar dapat menjiwai perasaan kesedaran bernegara dalam memikul tanggungjawab untuk memajukan NBD melalui peranan pendidikan demi menyahut tema Hari Kebangsaan pada tahun ini, iaitu 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Turut hadir, Timbalan Rektor; Penolong-penolong Rektor; Pegawai-pegawai Utama; Pegawai-pegawai dan kakitangan UNISSA; pensyarah-pensyarah; juga para mahasiswa UNISSA.

Pada tahun ini, upacara ini disemarakkan lagi dengan perbarisan lalu, yang diiringi oleh pembawa-pembawa bendera daripada pasukan beruniform UNISSA, terdiri daripada Mahasiswa dan Mahasiswi UNISSA, dianggotai oleh Pasukan Kadet Tentera seramai 46 ahli; Pasukan Kadet Polis seramai 47 ahli; Pasukan Kadet Bomba seramai 33 ahli; dan Pasukan Persekutuan Pengakap Kelana 1102 seramai 48 ahli; Pasukan Bulan Sabit Merah seramai 25 ahli; dan Persatuan Pandu Puteri UNISSA seramai 31 ahli.

**Siaran Akhbar dan Foto :**
**Universiti Islam Sultan Sharif Ali**